

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA KONVENSYEN PENERANGAN UMNO NEGERI SABAH 2002**  
**DI KOTA KINABALU, SABAH**  
**14 JANUARI 2002**

-----

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmatnya saya dapat hadir dan diberikan penghormatan menyampaikan ucapan pembukaan konvensyen penerangan UMNO negeri sabah pada pagi ini. Saya amat menghargai usaha dan kesungguhan UMNO sabah mengaturkan program ini, lebih-lebih lagi dalam kesibukan menghadapi tugas dan tanggungjawab tertentu ketika melangkah masuk ke tahun baru dan dalam keadaan masih ramai rakyat sedang dalam suasana menyambut perayaan. Ini membuktikan bahawa pemimpin dan ahli-ahli UMNO di sabah memiliki sifat-sifat kerja kuat, tekun, komited dan bersungguh dalam membantu memperkukuhkan UMNO meskipun secara relatif usia UMNO di sabah masih muda dan merupakan adik bongsu di dalam keluarga UMNO yang besar.

2. Hari ini kita melewati hari keempat-belas dalam tahun masihi 2002. Tahun 2001 yang telah kita tempohi mengandungi beberapa peristiwa yang telah mempengaruhi arah pemikiran ramai pemimpin dunia. Peristiwa paling pahit mengancam nilai kemanusiaan dan kedamaian yang berlaku pada 11 September bukan sahaja mencetuskan kesengsaraan terhadap penduduk di new york malah kepada setiap warga dunia. Rasa bimbang, cemas, ketidaktentuan dan keraguan menghantui pemikiran ramai pihak. Urusniaga dunia terjejas secara langsung dan awan mendung ekonomi dunia menjadi bertambang rundung. Negara, perniagaan, organisasi dan rakyat di serata dunia menanggung kesusahan.

3. Keganasan tidak terhenti pada peristiwa 11 September. Dari satu keganasan yang disusun secara sulit dan terselindung oleh beberapa individu meletus kepada serangan yang dilaksanakan secara terancang dan terbuka oleh rangkaian kuasa besar hingga mengakibatkan jutaan rakyat di Afghanistan, di Palestin, di Iraq dan di sekitar dunia Islam menjadi sasaran dalam bentuk ketenteraan, politik, perdagangan dan ekonomi. Rumah kediaman, bangunan sekolah, hospital, pejabat, gedung perniagaan, tanaman dan ternakan habis dimusnahkan. Bilangan pelarian yang hidup melarat bagaikan pengemis terus bertambah. Mereka menjadi rakyat tanpa negara, tanpa pemimpin, hidup di pinggir sempadan pelbagai negara. Mereka kehilangan harta benda, kehilangan anggota keluarga dan merenung masa hadapan penuh dengan tanda tanya, belum pasti akan dapat melihat mentari pagi sebelum lena, dan belum pasti mendapat sesuap rezeki bila celek dari lena yang tidak selesa.

Tahun 2001 kita tinggalkan dengan pelbagai peristiwa yang harus dijadikan pengajaran dan pedoman. Peristiwa 11 September, serangan kuasa besar di Afghanistan, pencerobohan berterusan Israel di Palestin, kemelesetan ekonomi yang melanda banyak negara adalah cebisan di antara penderitaan, penindasan, kesengsaraan dan kezaliman yang sedang berlaku. Segala yang berlaku itu bukan satu sandiwara di pentas dunia; tetapi realiti untuk dijadikan pengajaran. Realiti terhadap tanggungjawab menggunakan kuasa yang diamanahkan oleh Allah S.W.T. secara bijak dan saksama. Realiti pergolakan politik dunia yang terus bergelora akibat penggunaan kuasa secara ganas dan berleluasa. Realiti dari keganasan aktiviti kumpulan militan dan pelampau. Realiti kemiskinan dan kesusahan yang dihadapi dalam mengharungi kehidupan dalam suasana ekonomi dunia yang muram dan mendong.

Sedang jutaan manusia di serata dunia melalui penderitaan dan kesengsaraan, rakyat di negara kita dapat merayakan sambutan Aidilfitri, Hari Natal dan Tahun Baru dalam suasana penuh riang dan gembira, dengan pakaian indah pelbagai gaya-pelbagai warna, dengan hidangan mewah melimpah ruah. Rumah terbuka Aidilfitri terus diadakan hingga ke hari terakhir bulan Syawal tahun hijrah 1422. Sambutan riang Aidilfitri tidak pula terbatas kepada umat Islam malah dirayakan bersama oleh pelbagai kaum dalam suasana penuh mesra dan muhibbah. Dan belum sempat sambutan Aidilfitri berakhir, warga di negara kita sedang dalam keriang persiapan menyambut Tahun Baru Cina. Kad Ucapan `Gong Xi Fa Cai' mula diedar, pusat-pusat perniagaan mula dihias.

6. Awal minggu lalu, di muka hadapan akhbar dan di kaca televisyen kita melihat wajah anak-anak yang comel lagi montel, senyum riang, dibimbing oleh ibu bapa melangkah masuk ke alam persekolahan; peristiwa yang berlaku di setiap kota dan di pelusuk desa, di seluruh negara. Satu fenomena yang sudah menjadi kelaziman setiap kali kita melangkah masuk ke tahun baru di negara ini. Media massa juga melaporkan remaja yang sudah mula mendapatkan borang memasuki institusi pengajian tinggi awam, sementara pelbagai institusi pengajian swasta sibuk melaksanakan pelbagai promosi untuk menarik warga muda Malaysia. Fenomena seperti ini mungkin tidak terlintas di dalam mimpi anak-anak yang sedang menderita di Afghanistan dan remaja yang berteduh di kem-kem pelarian di seluruh dunia.

Saudara-saudari

Perkara-perkara yang saya sentuh ini adalah cebisan kecil dari realiti yang sedang berlaku di seluruh dunia ketika ini. Betapa akibat dari nilai asas kemanusiaan yang telah runtuh dan tenggelam kerana tafsiran sempit yang didorong oleh amalan permusuhan, haloba, dendam dan ketaksuban. Demikianlah suasana alam semesta yang wajar dijadikan guru, peristiwa yang mewarnai dunia yang patut direnung lalu dijadikan cermin untuk kita dapat membuat tafsiran hidup dengan fikiran penuh jernih dan hati penuh bersyukur. Betapa tinggi dan berharganya nilai keamanan dalam menentukan kesejahteraan hidup setiap warga di bumi dan di negara kita.

8. Bersyukur dan bersyukurlah kita kepada Allah S.W.T. kerana berada di bumi yang begitu aman dan damai meskipun suasana politik dunia begitu bergelora. Bersyukur dan bersyukurlah kita kepada Allah S.W.T. kerana berada di negara yang masih makmur meskipun ekonomi dunia begitu lesu dan muram. Bersyukur dan bersyukurlah kita kepada Allah S.W.T. kerana berada di dalam kehidupan yang selamat dan sejahtera meskipun dunia diancam keganasan dan peperangan.

Nikmat kesejahteraan yang kita miliki ini adalah anugerah dari Allah S.W.T. terhadap umatnya yang memperlihatkan erti kesyukuran. Nikmat ini adalah anugerah dari Allah S.W.T. kepada gagasan perjuangan yang ikhlas dan jujur, kepada gagasan gerakan yang tulus dan luhur, gagasan yang menjadi falsafah dan pedoman parti kita sejak ditubuhkan hingga diberikan kepercayaan dan amanah untuk menerajui kepimpinan negara dari peringkat merundingkan kemerdekaan hingga mendaulatkan kemerdekaan negara. Nikmat ini adalah anugerah dari Allah S.W.T. berkat amalan kesaksamaan dan keadilan yang kita pelopori dalam menguruskan sebuah negara merdeka. Nikmat ini adalah anugerah dari Allah S.W.T. terhadap kejayaan UMNO mencipta perpaduan sejati di kalangan rakyat pelbagai agama, kaum, keturunan dan budaya, merentasi sempadan negeri dan daerah. Nikmat ini adalah anugerah dari Allah S.W.T. kerana amalan kita yang bersandarkan kepada realiti dan pragmatisme. Bersyukur dan bersyukurlah kita dengan segala kepujian kepada Allah S.W.T. di atas

nikmat yang telah dianugerahkan kepada kita.

Saudara-saudari

10. UMNO hari ini diterima dan berjaya menjadi teras dalam kepimpinan politik negara disebabkan sifat kesejagatan yang telah dibuktikan melalui dasar dan arah haluan serta tindak laku dan gerak kerja yang menjadi budaya politik UMNO. Lalu UMNO terus hidup, terus subur, terus segar. UMNO semakin padu, semakin kukuh, semakin teguh. UMNO bertambah usia, bertambah dewasa, bertambah matang. Namun ini belum bermakna kita sudah sampai ke puncak kejayaan. Kita belum boleh merasakan kita sudah berada di mercu kegemilangan. Walau apapun tahap pencapaian yang telah kita capai, kita jangan sekali-kali bersifat angkuh. Barang di jauhkan kita dari bersifat bongkak dan riak. Di sebaliknya, semakin kita dianugerahkan kejayaan, kita hendaklah menjadi umat yang lebih bersyukur, meningkatkan ketakwaan, menyedari keesaan dan kebesaran Allah S.W.T.. Semakin kita dianugerahkan kekuatan, semakin kita merendah diri, semakin kita menyedari realiti, sesuai dengan budaya Melayu, mengikut resam padi, semakin padat berisi, semakin tunduk mendampingi bumi.

11. Dalam usaha memperkasakan parti, UMNO perlu peka terhadap perkembangan semasa, realiti yang mungkin merupakan cabaran yang perlu diatasi. Realiti dunia semasa menuntut kepada penguasaan ilmu, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran supaya bangsa terus ke hadapan dan negara terus melonjak maju. UMNO hendaklah berusaha dan terus berusaha melahirkan lebih ramai cerdik pandai, ilmuwan, teknokrat dan profesional Melayu. UMNO hendaklah belajar dan terus belajar menimba pengetahuan dan menguasai teknologi dan kepakaran baru. UMNO hendaklah mara dan terus mara, membawa bangsa ke persada kecemerlangan dan negara ke takhta kegemilangan.

12. Oleh itu agenda parti kita hendaklah diisi dengan gerak kerja yang bererti dan bermakna. Bangsa yang berjaya dan negara yang maju tidak mungkin dapat dicapai melalui ceramah dan rapat umum semata-mata. Bangsa yang perkasa dan negara yang gagah tidak terbina melalui slogan dan retorik. Tidak ada alternatif kepada program kerja yang kuat yang dilaksanakan secara bersungguh dengan penuh komitmen.

13. Kekuatan parti bergantung kepada kekuatan ahli. imej parti bergantung kepada sifat dan sikap ahli. Struktur organisasi parti yang disusun rapi dari peringkat cawangan, bahagian, perhubungan negeri dan majlis tertinggi memberikan kesempatan penyertaan ahli dari setiap pelusuk negara, dari kampung, mukim, daerah, negeri dan negara. Struktur organisasi parti itu sendiri melambangkan budaya demokrasi dan suara rakyat yang menjadi tunjang kekuatan selama ini. Perkukuhkanlah kekuatan parti. Bijak pandai Melayu dan bumiputera hendaklah turun ke bawah menawarkan perkhidmatan untuk sama-sama memimpin dan menggerakkan UMNO di semua peringkat. UMNO akan menjadi lebih perkasa jika kepimpinan di peringkat cawangan sendiri diterajui bersama oleh cerdik pandai bangsa. Kepimpinan UMNO di peringkat cawangan sebenarnya berada di barisan paling penting perjuangan. Inilah 'grassroot' bagi perjuangan kita. Cerdik pandai generasi muda kita perlu menimba pengalaman politik 'grassroot' kerana di sinilah kekuatan kita. Kuat UMNO di cawangan kuatlah parti diperingkat nasional. Berpengaruhnya UMNO di peringkat cawangan, lebih bersedialah UMNO dalam menghadapi pilihanraya. Diterimanya UMNO di peringkat cawangan, lebih terjaminlah kita untuk terus diberikan kepercayaan menerajui pemerintahan negara.

Ahli-ahli UMNO secara bersama hendaklah mendokong tanggungjawab ini secara berdisiplin dan berhemah.

14. Dalam merancang pendekatan dan mengatur langkah mencapai satu wawasan besar, UMNO juga hendaklah memberikan tumpuan kepada realiti yang sedang berlaku di dalam masyarakat bangsa Melayu. Realiti yang jika tidak diberikan kefahaman akan mengancam kekuatan dan perpaduan bangsa. UMNO kini menghadapi lebih ramai kumpulan masyarakat Melayu dan bumiputra pasca dasar ekonomi baru. Mereka besar dan dewasa dalam persekitaran sosio-budaya, politik dan ekonomi yang amat berbeza dengan kumpulan Melayu dan bumiputera pra dan pasca merdeka.

15. Mereka dirujuk sebagai Melayu Baru. Mereka adalah kumpulan menengah Melayu dengan ciri dan keperibadian berbeza dan berlainan dari masyarakat Melayu di era pra dan pasca merdeka. Mereka memiliki taraf pendidikan lebih tinggi dan merupakan kumpulan teknokrat dan profesional Melayu. Mereka dalam angka yang semakin ramai, berkesempatan mengikuti pendidikan di dalam dan luar negara pada usia yang lebih awal. Kebanyakan mereka telah memiliki ijazah lanjutan di peringkat sarjana dan kedoktoran pada usia yang masih muda. Sebahagian besar mereka tidak langsung pernah berkhidmat dengan kerajaan untuk dapat memahami dan mendampingi kerajaan.

16. Di peringkat usia lebih awal, ramai mereka melalui alam remaja di pelbagai sekolah berasrama penuh. Mereka tidak melalui proses pendewasaan dalam suasana keluarga luas ("extended family"). Tidak kurang pula dari mereka sejak bayi lagi ditempatkan di pelbagai pusat asuhan kanak-kanak atau berada di bawah jagaan pembantu rumah. Bilangan mereka terus bertambah ramai dan proses pembesaran yang sama diperpanjangkan pula kepada zuriat dan anak-anak mereka. Anak Melayu dan bumiputera yang dahulunya dibesarkan melalui bimbingan keluarga dengan nilai-nilai keluarga Melayu kini melalui proses pembesaran dan pendewasaan yang jauh berbeza. Ada kalanya mereka memperlihatkan sifat yang lebih individualistik. Mereka semestinya mempunyai nilai dan idealisma yang berbeza. Lalu berlaku jurang yang lebih ketara di antara mereka dengan status quo sedia ada.

17. UMNO yang menerajui sistem pemerintahan negara dilihat sebagai satu status quo. Pendekatan UMNO dari persepsi mereka ditafsir sebagai usang yang mereka mahu robah secara radikal. Jika akar pemikiran mereka lebih banyak bercambah ketika berada di luar negara, mereka semestinya kurang dapat menghargai pendekatan dan permasalahan yang kita hadapi di tanahair sendiri. Mereka adalah satu tenaga yang mempunyai pengaruh dari segi minda, pertuturan, perlakuan dan pekerjaan. Jika mereka memilih untuk bersama gerakan pembangkang dan penentang kerajaan, ianya bukan kerana mereka berkongsi idealisma yang sama dengan pembangkang, tetapi mereka sekadar memiliki rasa pertentangan dan ketidaksetujuan dengan dasar dan pendekatan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini.

18. Kerana itu, suara dan tuntutan mereka ada kalanya berlegar di sekitar isu-isu yang abstrak, berkisar pada perkara-perkara yang kurang nyata berdasarkan hipotesis yang belum teruji. Lalu minda mereka menjadi ladang- ladang yang sangat subur untuk diterokai oleh gerakan pembangkang yang senantiasa memasang jerat di pergentingan.

19. Ada kalanya kritikan mereka tidak begitu menyentuh soal pembangunan dan infrastruktur yang telah begitu banyak dibangunkan oleh kerajaan di bawah teraju pemerintahan UMNO. Untuk itu kita dapati mereka terjebak dengan gerakan-gerakan yang ada kalanya mirip pelampau, menerima pendekatan yang berbudayakan keganasan seperti yang diperlihatkan oleh anggota yang menyertai kumpulan militan Malaysia.

20. Mereka cepat tidak menghargai betapa perlunya keamanan dipelihara melalui undang-undang. Mereka tidak dapat memahami akan keperluan langkah-langkah berbentuk pencegahan yang diperlukan oleh kerajaan dalam realiti negara mahu memastikan kestabilan dan keamanan negara tidak tergugat. Mereka menafsirkan apa juga pendekatan pencegahan sebagai satu tekanan kepada idealisma kebebasan bersuara tanpa sebarang batas. Mereka tidak memahami dan mendalami kerapuhan hubungan kaum yang jika tidak ditangani secara bijak boleh mencetuskan ketidaktenteraman di dalam negara. Mereka perlu kita bimbing. mereka perlu diberikan fahaman. Mereka perlu kita dampingi. Mereka perlu dibawa berbincang. Mereka perlu dijadikan rakan untuk sama-sama membangunkan negara.

Perlu disingkap bahawa peristiwa 13 Mei dan perselisihan kaum di kampung medan adalah realiti yang telah berlaku di negara ini. Perlu disingkap bahawa kegiatan pelampau agama yang memeralatkan Islam telah mencetuskan beberapa peristiwa berdarah seperti yang berlaku di batu pahat dalam tahun 1980, Memali dalam tahun 1985 dan Al Maunah di Sauk dalam tahun 2000. Peristiwa-peristiwa tersebut adalah peristiwa benar. Anggota pasukan keselamatan menjadi korban dan para pengikut yang terpedaya menjadi mangsa. Peristiwa-peristiwa tersebut adalah satu realiti.

Realiti tersebut masih dimanipulasikan oleh pembangkang yang dipelopori oleh parti PAS sebagai satu lakonan, sebagai satu sandiwara. Saya menegaskan bahawa Malaysia bukannya studio "Hollywood" atau "Bollywood". Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bukannya pengarah filem dan anggota jemaah menteri bukannya `crew' syarikat perfileman. Anggota pasukan keselamatan terutama yang terkorban, para hakim, pendakwaraya dan penjenayah yang didapati bersalah bukannya pelakon filem. Mahkamah dan institusi kerajaan yang terlibat bukannya `backdrop' dalam satu lakonan filem. Di Batu Pahat, anggota polis yang berkhidmat diserang secara mengejut. Di Memali, empat orang anggota polis kehilangan nyawa. Di Sauk, anggota pasukan keselamatan dibunuh secara kejam dan dikebumikan tanpa sebarang penghormatan asas yang patut diberikan kepada mayat seorang manusia.

23. Pemimpin PAS sudah terlalu banyak bersandiwara. pemimpin PAS telah banyak berlakon. PAS telah berulang kali bertukar pasangan, bertukar pakaian, bertukar dialog, bertukar skrip berdasarkan pentas lakonan dan babak sandiwara mereka untuk disesuaikan dengan penonton dan untuk keseronokan telinga pendengar. PAS telah terlalu banyak melakukan perkara mungkar. Menghalalkan cara untuk mencapai matlamat politik. PAS sebenarnya mengamalkan fahaman asabiah yang tetap membela dan melindungi kesalahan yang dilakukan jika yang melakukan itu adalah ahli PAS. PAS adalah satu contoh gerakan taksab yang mengamalkan fahaman sempit hingga membolehkan ahli-ahli mereka mengatasi undang-undang dan melanggar peraturan demi mahu mencapai kuasa dan kemenangan politik.

24. Pembentukan negara Islam menjadi kalimah yang diulang dibibir mulut pemimpin PAS. Penubuhan negara Islam merupakan satu slogan dan satu retorik yang digurindamkan oleh penceramah-penceramah PAS di serata tempat. Tetapi

sehingga hari ini PAS sendiri masih belum berupaya menghuraikan rupa bentuk dan kandungan negara Islam yang dilayangkan.

25. Apabila kepimpinan UMNO mengumumkan bahawa Malaysia telahpun memiliki dan memenuhi ciri-ciri sebuah negara Islam, pengumuman itu dibuat berdasarkan prestasi dan rekod pencapaian yang telah kita laksanakan, terutama dalam memenuhi tanggungjawab fardhu kifayah dengan menyediakan prasarana kerajaan, institusi kehakiman dan undang-undang, pendekatan sosial, pembangunan ekonomi dan sistem kemasyarakatan yang sungguh berkesan hingga dapat membangunkan ummah. Negara Islam yang terbina telah memberikan kesejahteraan dan keselesaan rakyat dan penduduk di negara ini hidup secara tenteram dan aman, makmur dan sejahtera. Di bawah kepimpinan UMNO, prasarana negara Islam telah terbina dari segi semangat dan realiti tanpa menimbulkan sebarang kebimbangan yang mengancam kestabilan negara dan keharmonian hubungan kaum dan hubungan agama.

26. Malaysia telah menjadi negara contoh dari segi kejayaan memupuk keharmonian kaum dan perkongsian kuasa di antara kaum secara saksama. Malaysia telah menjadi model pembangunan kepada banyak negara sedang membangun. Dengan izin Allah S.W.T., Malaysia menjadi negara Islam contoh yang mengamalkan ciri-ciri pentadbiran Islam yang adil lagi saksama, moden lagi kosmopolitan, aman lagi makmur, selamat lagi sejahtera di kalangan rakyat pelbagai kaum, pelbagai agama.

Saudara-saudari

27. Untuk memelihara dan mempertahankan apa yang kita, kerajaan bersama rakyat, telah capai dan untuk membawa kita ke tahap kemajuan yang lebih tinggi, keamanan dan kestabilan negara harus dikekalkan. Usaha penerangan dan penjelasan perlu dilakukan secara tekun, sabar dan bijaksana demi meningkatkan kefahaman dan mengelakkan salah faham. Isu-su sensitif berbau perkauman tidak boleh dijadikan modal politik. Keamanan negara dan ketenteraman awam wajib dijamin. Sebarang pendekatan bercorak keganasan dan militan untuk apa juga tujuan dan matlamat tidak akan dibenarkan sama sekali. Negara tidak akan tenteram jika isu-isu sensasi berunsur perkauman dan agama dibenarkan dieksploitasi secara terbuka. Apakah kita perlu menanti sehingga menara KLCC diserang untuk memberi justifikasi supaya pendekatan pencegahan boleh dilaksanakan?. Ketika itu masanya sudah terlewat. Nyawa sudah terkorban dan harta benda sudah musnah, keyakinan sudah luntur dan anarki telah berlaku.

28. Bukanlah satu tugas yang senang atau menggembirakan untuk menteri dalam negeri mengeluarkan perintah tahanan. Bukanlah satu keseronokan untuk seorang hakim menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah. Setiap tahanan yang dikenakan, setiap hukuman yang dijatuhkan membawa kepada satu tanggungjawab besar yang harus dipikul, tanggungjawab yang mempunyai akauntabiliti baik di dunia mahupun di akhirat. Akauntabiliti terhadap rakyat dan akauntabiliti terhadap Tuhan Rabul Jalil. Namun menteri dan hakim, kerajaan dan institusi yang bertanggungjawab terhadap keselamatan rakyat dan keamanan negara perlu memikirkan kepentingan umum, kepentingan ramai dan kepentingan negara. Rakyat jelata, kanak-kanak, wanita dan orang dewasa yang perlu diberikan perlindungan untuk meneruskan kehidupan. Kestabilan negara untuk memberikan keyakinan demi membolehkan pertumbuhan ekonomi dapat dijana.

Kerajaan akan tetap berpendirian tegas dalam menangani isu dan ancaman dari sebarang kumpulan militan baik melalui pendekatan pencegahan mahupun melalui pendekatan pengubatan ("curative"). Ahli UMNO tidak harus meminta maaf atau apologetik mengenai isu ini. Ahli UMNO harus berani menegak dan mempertahankan kebenaran secara tegas. Kita berada di pihak yang benar oleh itu kita hendaklah berani bersifat tegas. Peranan dan tindakan pemimpin UMNO yang mempunyai tanggungjawab di dalam kerajaan adalah untuk melindungi dan memelihara rakyat jelata yang lebih ramai. Rakyat yang mahu melihat keamanan. Rakyat yang mahu meneruskan kehidupan tanpa gangguan. Rakyat yang mahu membina bangsa yang berjaya dan negara yang maju dan terus maju.

Saudara-saudari,

Bersamalah kita mempertekadkan azam, membangunkan bangsa yang beriman dan berakhlak tinggi, berilmu dan berpengetahuan, bijaksana dan berkemahiran. Bersamalah kita mempertekadkan azam, membina UMNO yang bersatu dan teguh, kuat dan kukuh, gagah dan perkasa. Bersamalah kita mempertekadkan azam mendaulatkan negara Malaysia yang aman dan makmur, bahagia dan sejahtera, berdaulat dan mulia.

Maka dengan harapan itu, dengan memohon doa restu Illahi, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Penerangan UMNO Negeri Sabah. sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.